

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA
MERANGKAP PRESIDEN ACO**

**MAJLIS PERASMIAN BENGKEL
PERANCANGAN STRATEGIK KOPERASI
2022**

**14 OKTOBER 2022 (JUMAAT)
3.00 PETANG**

HOTEL IMPIANA, IPOH, PERAK

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terima Kasih Pengacara Majlis

{SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA
PROGRAM}

1. Terlebih dahulu, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan nikmat yang penuh berkat, maka Bengkel Perancangan Pelan Strategik Koperasi 2022 berjaya diadakan. Terima kasih kepada semua yang dapat melapangkan masa untuk mengikuti

bengkel yang bakal berlangsung selama tiga hari dua malam.

2. Tahniah saya ucapkan kepada lapan buah koperasi dari kalangan TOP 100 dan koperasi terpilih yang mengikuti bengkel kali ini untuk diberikan bimbingan secara intensif

bagi membangunkan pelan strategik koperasi masing-masing.

3. Besarlah harapan saya, bengkel ini menjadi platform untuk wakil-wakil koperasi yang ada di hadapan saya ini, merangka strategi dan arah tuju terbaik agar gerakan koperasi

Malaysia kekal relevan dan menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara.

Hadirin yang Dihormati Sekalian

4. Bengkel Perancangan Pelan Strategik Koperasi ini, dirancang dengan penuh teliti oleh Bahagian

Pengurusan Strategik ANGKASA,
dengan objektif untuk:

- i) Membantu koperasi membangunkan Pelan Strategik Koperasi secara sistematik dan komprehensif.

ii) Membangunkan pelan perancangan strategik tadbir urus yang baik (good governance) yang terdiri daripada aspek seperti mekanisme perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian yang berkesan.

iii) Membolehkan koperasi mengawal dan merangka pelan tindakan.

iv) Meletakkan koperasi sentiasa proaktif terhadap perubahan persekitaran luaran dan dalaman.

5) Secara ringkasnya, bengkel ini mempunyai empat modul yang memfokuskan untuk membangun sesebuah pelan strategik bermula daripada penetapan hala tuju strategik seperti Visi, Misi dan Objektif hinggalah penilaian dan kawalan dalam pelan strategik.

6) Kaedah MRP (Mudah.Ringkas.Padat) akan diguna pakai dalam melaksanakan bengkel ini, setelah mengambil kira latar belakang koperasi yang hadir agar tidak membebankan koperasi-koperasi dalam membangunkan pelan strategik.

7) Selain itu, kita perlu proaktif menggunakan segala teknologi agar dapat meningkatkan pembangunan modal insan dan *Research and Development* (R&D). Mengadaptasi *The Fourth Industrial Revolution* (IR 4.0) dalam perniagaan koperasi selaras dengan dasar pendigitalisasian adalah satu keperluan sekiranya kita mahu

memartabatkan gerakan koperasi yang lebih globalisasi.

8) Dalam masa yang sama, kita tidak dapat lari dari menghadapi cabaran. Oleh itu, segala kekangan, cabaran dan isu-isu yang dihadapi, kita perlu pandang secara positif. Kita

perlu menyahut cabaran tersebut. Kita perlu memperlengkap diri dengan strategi-strategi terbaik. Paling penting, adalah kesediaan kita untuk mengatasi cabaran tersebut.

Hadirin yang Dihormati Sekalian

9) Proses pengurusan strategik merupakan satu proses yang terancang yang dibuat secara berpasukan. Komitmen, kerjasama dan semangat berpasukan hendaklah dikekalkan bagi menjayakan perancangan dan pelaksanaan

dalam mencapai hala tuju, misi dan visi yang telah kita tetapkan.

10) Saya berharap, hasil daripada bengkel ini nanti, koperasi tuan-tuan dan puan-puan dapat membangunkan pelan strategik terbaik untuk dijadikan hala tuju koperasi agar terus maju. Semoga

objektif bengkel bengkel ini akan tercapai mengikut apa yang kita harapkan dalam memastikan gerakan koperasi menjadi penyumbang kepada kemajuan negara.

11) Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua ahli

lembaga koperasi dan kakitangan
pengurusan koperasi yang hadir untuk
mengikuti bengkel ini. Saya yakin
dengan idealis medan hala tuju yang
akan dirancang nanti, tidak mustahil
koperasi tuan-tuan akan berjaya
menjadi sebuah koperasi yang unggul.
Ingatlah gerakan koperasi akan tetap
wujud sampai bila-bila selagi ia

berdaya maju dan bersaing demi kepentingan anggota.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Bengkel Perancangan Pelan Strategik Koperasi 2022.

Wabillahitaufik wal hidayah,
Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Terima kasih.